



BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN NASYID SEMPENA FESTIVAL MAAL HURAH 1448H/2026M

LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK

A. MAKLUMAT KUMPULAN	
1.	Nama Kumpulan:
2.	Nama Pengurus:
3.	Alamat Lengkap:
4.	No. Telefon Bimbit:
B. MAKLUMAT LAGU 1	
5.	Tajuk Lagu 1:
6.	Nama Pencipta Lagu :
7.	Nama Penulis Lirik :
C. MAKLUMAT LAGU 2	
8.	Tajuk Lagu 2:
9.	Nama Pencipta Lagu:
10.	Nama Penulis Lirik:
11.	<p>Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar.</p> <p>Tandatangan Pengurus:</p> <p>Nama : _____ Tarikh : _____</p>

1. MAKLUMAT AHLI KUMPULAN

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Umur
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

**2. PENGESAHAN PIHAK URUSETIA PERTANDINGAN NASYID SEMPENA FESTIVAL MAAL HIJRAH 1448H
2026M**

DISAHKAN OLEH

Tandatangan :

**Urusetia Pertandingan Nasyid
Festiva Maal Hijrah**

Tarikh :



**BORANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN NASYID FESTIVAL MAAL HIJRAH 1448H/2026M
LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK**

1. PENDAHULUAN

Syarat dan peraturan Pertandingan Nasyid Festival Maal Hijrah 1448H/2026M diwujudkan sebagai garis panduan dalam membuat pilihan, menjalankan pertandingan dan menentukan pemenang melalui proses pengadilan yang tersusun dan saksama.

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Pertandingan ini terbuka kepada para peserta lelaki dan wanita yang berumur 15 tahun ke atas.
- 2.2 Terbuka kepada kategori berkumpulan sahaja. Minima peserta dalam satu kumpulan adalah lima (5) orang dan maksimum tidak melebihi lapan (8) orang.
- 2.3 Tiap-tiap ahli kumpulan hendaklah terdiri daripada peserta lelaki sahaja dan perempuan sahaja.
- 2.4 Seorang peserta hanya boleh mewakili satu (1) kumpulan sahaja.
- 2.5 Pakaian peserta hendaklah sopan dan menutup aurat dengan bersesuaian dengan nilai-nilai Islam.

2.6 Tarikh-tarikh penting:

2.6.1 Tarikh buka penyertaan 8

1 Mei 2026, hari Jumaat.

2.6.2 Tarikh tutup penyertaan

8 Jun 2026, hari Isnin jam 05:00 petang.

2.6.3 Taklimat Kumpulan & Cabutan Undi

9 Jun 2026, hari Khamis jam 9:30 pagi bertempat di Pejabat Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid, Aras Bawah Masjid Jamek Negeri Sarawak.

2.6.4 Tarikh Pertandingan Nasyid

15 & 16 Jun 2026, Isnin & Selasa 6:30 petang bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Sukma.

2.6.5 Tarikh Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Nasyid

19 Jun 2026, Jumaat jam 06.30 malam bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Sukma.

3. IRINGAN MUZIK DAN LAGU

- 3.1** Setiap Kumpulan hendaklah mempersembahkan 2 buah lagu
 - 3.1.1** Lagu yang bertemakan Maal Hijrah
 - 3.1.2** Lagu Bebas

- 3.1** Satu (1) kumpulan hendaklah mempersembahkan dua (2) lagu berdurasi tidak melebihi daripada tiga belas (13) minit.

- 3.2** Lagu-lagu yang disampaikan boleh dalam berbagai genre lagu irama Nasyid komersil atau pop kontemporari, atau genre yang bersesuaian, namun wajib menerapkan mesej dakwah. Genre berbentuk rock, rap, blues dan heavy mental adalah tidak dibenarkan.

- 3.3** Lirik lagu hendaklah berunsur nilai-nilai murni Islam yang bertujuan untuk memupuk semangat dakwah Islamiah, kehidupan sejahtera, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya.

- 3.4** Senikata lagu hendaklah dalam Bahasa Malaysia, Arab atau Inggeris atau gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata di dalam Bahasa Arab dan Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Senikata atau lirik yang menggunakan Bahasa Arab hendaklah ditulis dalam Bahasa Arab.

- 3.5** Setiap penyertaan yang dihantar hendaklah disertakan dengan:
 - 3.5.1** Borang penyertaan yang lengkap

 - 3.5.2** Salinan Lirik lagu dalam format 'pdf'

 - 3.5.3** Rakaman lagu minus one

4. PENGHAKIMAN

4.1 Jemaah Hakim bagi Pertandingan Nasyid Sempena Festival Ma'al Hijrah 1448H/2026M akan dilantik oleh pihak penganjur.

4.2 Penghakiman berdasarkan pada aspek-aspek berikut;

4.2.1	Suara	: 40%
4.2.2	Lagu	: 20%
4.2.3	Lirik	: 10%
4.2.4	Persembahan	: 30%
	Jumlah Keseluruhan	: 100%

4.3 Seseorang yang terlibat sebagai jurulatih atau ketua bagi mana-mana pasukan yang menyertai pertandingan adalah tidak layak menjadi panel hakim untuk pertandingan ini.

4.4 Jika terdapat persamaan markah akan dirujuk mengikut urutan ini:

4.4.1	Suara
4.4.2	Lagu
4.4.3	Lirik
4.4.4	Persembahan

4.5 Jika kesemuanya masih terdapat kesamaan, undian akan dijalankan oleh Ketua Hakim atau Pengerusi Jemaah Hakim.

4.6 Keputusan Jemaah hakim adalah **MUKTAMAD**. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

5. YURAN KEMASUKAN

RM 100.00 / Kumpulan

6. PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN NASYID

- 6.1 Untuk Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Nasyid Festival Ma'al Hijrah 1448H/2026M akan diadakan pada Majlis Penutupan Festival Ma'al Hijrah pada tarikh 19 Jun 2026, hari jumaat. Justeru itu, semua peserta yang menyertai pertandingan nasyid ini dikehendaki hadir pada majlis penyampaian hadiah tersebut.
- 6.2 Hadiah akan diberikan mengikut tempat, iaitu bermula daripada suguhati, tempat ketiga, naib johan dan johan.

7. LAIN-LAIN KETERANGAN

- 7.1 Sebarang kemalangan atau kecederaan ke atas peserta sebelum, semasa dan selepas pertandingan berlangsung adalah di atas tanggungjawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- 7.2 Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- 7.3 Peserta yang berminat hendaklah mengisi dengan lengkap borang yang disediakan oleh pihak penganjur dan menghantar penyertaan berserta dengan satu (1) salinan lirik nasyid yang dipertandingkan.
- 7.4 Penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak urus setia seperti alamat berikut;

**Mohammad Arman Ismady Bin Ismail
dan Mohd Shahril Azrill Rosli, Urusetia
Pertandingan Nasyid Festival Maal Hijrah
1448H/2026M Pejabat Pengurusan Masjid-
Masjid,
Aras Bawah Masjid Jamek Negeri Sarawak, 93050 Petra Jaya Kuching. ATAU
Secara dalam talian ke 016-3572185**

- 7.5 Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi:
**Mohammad Arman Ismady : 014-8399780
Mohd Shahril Azrill Rosli : 011-2174 3188**

